

Kemaruk kafe siber

Pernah habiskan masa dari 9 pagi hingga 11 malam dengan wang hasil curi

B H.M 3/2/08 M/S 10

FOTO | Affandi Ismail

KUALA LUMPUR: Angka ketagih permainan komputer, seorang kanak-kanak berusia 12 tahun tergamak mengugut untuk menikam dan menetak ibu bapanya dengan pisau dan parang lebih 10 kali hanya kerana dia tidak diberi wang RM5.


Murid darjah enam itu juga bertindak 'ala gangster' apabila sanggup mencuri wang dari kedai runcit dan memeras ugut ra kan sebaya untuk melayani ketagihannya terhadap permainan komputer di kafe siber yang dikenalnya awal tahun lalu.

Sejak 'terpikat' dengan permainan 'berhantu' itu, kanak-kanak yang hanya mahu dikenali sebagai Azli itu kerap ponteng sekolah,

merokok dan akhirnya berhenti sekolah, sekali gus tidak menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2007.

Tidak setakat itu saja, selepas berhenti sekolah, kafe siber menjadi rumah keduanya, malah dia sanggup 'bertapa' 12 jam sehari hanya untuk bermain permainan komputer diminati.

Ikuti pengakuan Azli yang kini mendapatkan rawatan pemulihan di sebuah rumah kebajikan apabila ibu bapanya tidak lagi mampu mengawal sikapnya yang panas baran dan ganas hasil 'didikan' kafe siber seperti diceritakan kepada Wartawan Metro Ahad, FUAD HADINATA YAACOB dan SHAMRAN SARAHAN.



SUDAH banyak kali saya hendak menetak emak dan ayah, rasa-

nya lebih 10 kali sejak tahun lalu. Semuanya kerana mereka tidak mahu beri wang RM5 atau RM10 untuk saya buat belanja ke kafe siber.

Jika tidak ke kafe siber, diri saya seperti ada yang tidak kena. Saya bosan duduk di rumah, apatah lagi tiada komputer dan tidak tahu hendak buat apa.

Jika hendak ke sana pula,

saya perlukan duit sekurang-kurangnya RM5 untuk membayar caj selain beli makanan atau minuman.

Pada awal dulu saya guna duit belanja yang emak beri setiap hari RM2, tetapi kerana seronok dan 'ketagih', aktiviti ke kafe siber menjadi program wajib selepas pulang sekolah.

Jadi, perbelanjaan meningkat dan saya ambil jalan mudah dengan mencuri wang emak atau ayah. Pantang jika mereka letak beg duit, saya ambil duit yang ada, pernah sehingga RM50 sekali ambil.

Dengan itu saya buat belanja di kafe siber, selain beli makanan dan minuman. Pada mulanya mereka tak perasan tetapi lama kelamaan emak dan ayah tahu juga selepas duit di dalam dompet masing-masing berkurangan.

Emak selalu marah dan ayah pernah pukul, namun saya degil. Selepas keadaan reda, saya curi lagi, malah jika tiada duit, saya minta daripada mereka.

Ketika itu jika mereka tak beri, saya ambil pisau dapur atau parang untuk mengugut

mereka. Saya bernasib baik tiada kejadian buruk berlaku, jika tidak tentu saya ditahan atau ditempatkan di sekolah budak nakal.

Sejak mengenali kafe siber, selain mencuri, saya juga mula ponteng sekolah, merokok dan mengugut rakan untuk mendapatkan wang.

Malah, kerana kerap ponteng selain masalah disiplin, saya diberhentikan sekolah, sekali gus tidak dapat mengambil peperiksaan UPSR tahun lalu.

Semuanya kerana kafe siber. Daripada rajin ke se-

dapatkan duit sebagai belanja di kafe siber, beli rokok serta makanan atau minuman.

Saya juga sudah pandai mencuri di kedai. Apabila tuan kedai tidak perasan, saya ambil duit dalam laci berjumlah RM50. Ketika itu saya sangat seronok kerana ada kawan 'satu kepala'.

Kedai saudara juga pernah jadi sasaran saya, apabila dia minta saya jaga sebentar, ketika itu saya ambil duit RM20.


Kerana kafe siber ini juga, saya mudah marah jika ada perkara tidak betul berlaku atau apa yang saya nak tak dapat. Disebabkan itu saya sanggup ugut untuk menetak dan menetak emak serta ayah.

Mungkin kerana tidak tahan melayan kerenah saya, saya dihantar ke rumah kebajikan ini awal tahun lalu dan kini sudah tujuh bulan saya menjalani rawatan pemulihan.

Kini ketagih sudah tiada, malah saya dididik dengan ilmu agama. Saya kini rindu emak, ayah dan adik kerana sepanjang di sini hanya beberapa kali kami berjumpa kerana mereka jauh di kampung.

Selepas ini saya nekad menyambung sekolah semula, selain mengelak mengunjungi kafe siber yang memusnahkan diri saya."

Selain rokok, saya selalu ugut kawan di sekolah untuk



TAUBAT... Azli (kanan sekali) dibimbing mendirikan solat di rumah kebajikan.